

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

NO. SOALAN : 40

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan elaun dan tugasannya untuk Datuk Heng Seai Kie sebagai Penasihat Hal Ehwal Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

YBhg Datuk Heng Seai Kie **dilantik secara kontrak** selaku Penasihat Hal Ehwal Perpaduan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Beliau bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk menasihatkan Jabatan mengenai semua perkara berikut:-

- a. Melaksanakan misi dan visi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) seperti yang ditetapkan;

- b. Melaksanakan program-program untuk memelihara, meningkat dan memperkuuhkan perpaduan serta keharmonian masyarakat dan integrasi nasional;
- c. Meningkatkan dan mengukuhkan kefahaman dan amalan Rukun Negara di kalangan rakyat Malaysia serta persefahaman dan keharmonian antara penganut-penganut agama;
- d. Menjalin hubungan dan kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan tanggungjawab di perenggan (b) dan (c) di atas;
- e. Menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa; dan
- f. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau adalah bertanggungjawab terus kepada YAB Perdana Menteri dan YB Menteri yang diberi portfolio perpaduan negara dan integrasi nasional.

Berdasarkan tugasan dan tanggungjawab yang dijalankan tersebut, beliau dibayar bayaran perkhidmatan sejumlah RM10,847.65 dan elaun keraian sebanyak RM4,000.00 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 14.3.2018 (RABU)

SOALAN : 41

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa Kementerian begitu lama mengambil masa untuk membekalkan air terawat ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai yang jaraknya hanya 6 hingga 12 km dari loji air pekan Lubok Antu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembekalan air di kawasan Ensayang, Wong Pandak dan Wong Panjai adalah di bawah pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Lubok Antu Fasa II. Anggaran kos projek ini adalah sebanyak RM116 juta dan telah diluluskan pelaksanaannya pada RP2 Tahun 2017 melibatkan 54 buah kampung dan 975 buah rumah. Projek ini merupakan sistem bekalan air yang lengkap dan akan membantu menyelesaikan masalah bekalan air secara menyeluruh di kawasan ini.

Oleh yang demikian, proses kajian rekabentuk dan pelaksanaan projek ini memakan masa yang agak lama bagi memastikan sistem bekalan air yang akan dilaksanakan mampu berfungsi dengan sempurna. Projek ini perlu melalui proses Makmal Kejuruteraan Nilai (VEL) pada bulan Mac/April ini sebelum boleh ditender pada bulan Mei/Jun 2018.